KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : hasar@moh.gov.my

Rujukan: (11)dlm.KKM(KA)09/62/03/11/155
Tarikh : 27 Januari 2012

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4/2012: PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN ORANG ASLI SEMENANJUNG MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa perkhidmatan kesihatan dan perubatan Orang Asli telah secara rasminya diambil alih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bermula pada **1 Januari 2012**.

3. Bagi memastikan perkhidmatan yang telus dan terbaik untuk masyarakat Orang Asli, berikut merupakan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan dan perubatan Orang Asli Semenanjung Malaysia sebagai rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

a) Sepertimana yang telah dipersetujui di dalam Nota Persefahaman Pengambialihan, Kementerian Kesihatan akan bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan terbaik kepada masyarakat Orang Asli manakala perkara berkaitan kebajikan pesakit dan keluarga pesakit termasuk pemberian makanan percuma keluarga pesakit, penyediaan alat sokongan perubatan, pergigian dan bekalan diet khas secara percuma akan diteruskan di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

b) Masyarakat Orang Asli boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan, perubatan dan pergigian di mana-mana fasiliti kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

c) Semua fasiliti kesihatan termasuk Klinik Kesihatan, Hospital dan Pejabat Kesihatan perlu bersedia untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat Orang Asli dengan memastikan **keistimewaan yang dinikmati oleh Orang Asli** dari segi kebajikan, kesejahteraan, perlindungan, kesentosaan dan kemajuan seperti termaktub di dalam subfasal 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Orang Asli 1954 adalah terpelihara.

d) Untuk mengelakkan kelewatan pemberian perkhidmatan, perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada Orang Asli perlu didahulukan sebelum pengesahan identiti Orang Asli dibuat sama ada melalui pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terdekat atau dengan menghubungi Hospital Orang Asli, Gombak.

e) Orang Asli di Semenanjung Malaysia **dikecualikan** daripada bayaran rawatan hospital bagi rawatan di wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar bermula dari 2 Mei 1989 melalui Surat Pekeliling Bahagian Kewangan, KKM Bil. 2/1989, pengecualian bayaran hospital di bawah Pasal 16(13) Perintah Fee (Perubatan) 1982.

f) Pemantauan perkhidmatan akan dibuat secara terus oleh Pejabat Kesihatan yang terdekat dan Jabatan Kesihatan Negeri yang terlibat dengan menggunakan sumber sedia ada. Jabatan Kesihatan Negeri juga dipohon untuk berkerjasama dengan JAKOA negeri di dalam memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang terbaik untuk masyarakat Orang Asli.

g) Hospital Orang Asli, Gombak sedia ada dinaiktaraf menjadi PTJ2 dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Hospital ini adalah khusus untuk masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun Orang Asli boleh memilih untuk dimasukkan ke hospital ini atau ke mana-mana hospital lain yang terdekat dengan lokasi mereka.

h) Aktiviti kesihatan awam sedia ada di Hospital Orang Asli, Gombak akan dikekalkan di bawah pentadbiran Hospital Orang Asli, Gombak dan di bawah penyeliaan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

i) Klinik-klinik kesihatan yang diambil alih diletakkan dibawah pentabdiran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berkenaan iaitu:-

(a) Klinik Kesihatan Penyusunan Semula (RPS) Betau Pahang dibawah pentadbiran PKD Kuala Lipis.

(b) Klinik Kesihatan RPS Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan dibawah pentadbiran PKD Gua Musang.

(c) Klinik Kesihatan RPS Kemar, Grik, Perak dibawah pentadbiran PKD Gerik.

j) Pemantauan keseluruhan aktiviti kesihatan dan perubatan di peringkat kebangsaan akan diselaraskan oleh **Unit Kesihatan dan Perubatan Orang Asli Semenanjung Malaysia di Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)**.

4. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan isu pemberian perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/Puan boleh menghubungi:-

Unit Kesihatan dan Perubatan Orang Asli
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Tel: 03-88834146, Fax: 03-88834030)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ikhlas

DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia